

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB) DAN CIDB** untuk menjalankan kerja-kerja seperti berikut:-

| No Tender : TNBES-TS003/2019 | | |
|--|---|--|
| KETERANGAN KERJA | KATEGORI & KELAYAKAN | TARIKH TAWARAN DITUTUP |
| KERJA-KERJA PEMBINAAN STESEN MINI HIDRO SG. TERSAT, KUALA BERANG, TERENGGANU (PAKEJ 2: KERJA-KERJA PEMBINAAN PENSTOCK) | Syarikat adalah berdaftar dengan: TENAGA NASIONAL BERHAD Dan CIDB GRED : G6/G7 KATEGORI : CE PENGGHUSUSAN : CE20/CE21/CE24 | Pukul 12.00 tengahari, 5 April 2018 |

Dokumen tender akan mula dijual **RM3,180.00 (termasuk GST)** pada **27 Februari 2018** hingga **5 April 2018**.

MASA PEMBAYARAN DAN PENGAMBILAN DOKUMEN TENDER:

Isnin – Khamis

1. Dari Jam 9.00 pagi sehingga 1.00 petang
2. Dari Jam 2.00 petang sehingga 4.00 petang

Jumaat

1. Dari Jam 9.00 pagi sehingga 12.30 tengahari
2. Dari Jam 2.30 petang sehingga 4.00 petang

1. **TERBUKA.** Dokumen tender boleh didapatkan di **TNB ENERGY SERVICES SDN BHD, LEVEL 3, BLOCK A, MENARA PKNS-PJ, NO. 17 JALAN YONG SHOOK LIN, 46050 PETALING JAYA, SELANGOR.**
2. Sebarang pembayaran dokumen tender (jika ada) hendaklah melalui:

Akaun Maybank, TNB Energy Services Sdn Bhd. No Akaun: 564182301574.

Kontraktor dikehendaki membawa resit asal pembayaran semasa mengambil dokumen tender.

3. Kontraktor hendaklah menyemak kelayakan sebelum membuat sebarang pembayaran tender. TNB Energy Services tidak akan membuat sebarang pemulangan tunai/‘refund’ disebabkan kegagalan kontraktor memastikan kelayakan sebelum membuat pembayaran.
4. Kontraktor dikehendaki membawa bersama sijil-sijil yang dinyatakan diatas semasa proses mengambil dokumen tender.
5. Adalah dimaklumkan bahawa dokumen tender hanya akan dijual kepada syarikat yang memenuhi kriteria ditetapkan sahaja.

PERTANYAAN MENGENAI BARANGAN / SPESIFIKASI TENDER

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Hj. Mohd Naeim Rozak** ditalian **03-76625111** ATAU **En. Mohd Farid Ikram Abu Samad** ditalian **03-76625111**.

LAIN-LAIN

1. Sesi Taklimat Tender dan Sesi Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** bagi tender ini. Kontraktor diminta membawa bersama cop rasmi syarikat bagi tujuan pengesahan semasa mengadiri sesi penerangan tender dan lawatan tapak.
2. Sesi penerangan tender dan lawatan tapak akan dilakukan seperti berikut:

| SESI TAKLIMAT TENDER | | |
|-----------------------------|---|---|
| Tarikh/Masa | : | 6 Mac 2018, 10.00 pagi |
| Tempat | : | TNB ENERGY SERVICES, Training Room, Level 2, Block B, Menara PKNS-PJ, No. 17 Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor. |
| SESI LAWATAN TAPAK | | |
| Tarikh/Masa | : | 8 Mac 2018, 10.00 pagi |
| Tempat | : | TNB Kuala Berang, Terengganu |

3. **SESI TAKLIMAT TENDER:** Hanya Penama dalam CIDB untuk syarikat yang diwakili sahaja boleh menghadiri sesi Taklimat Tender. Sekiranya penama tidak dapat hadir, wakil penama perlu mengemukakan surat wakil yang ditandatangani oleh penama. Seorang wakil hanya boleh mewakili satu (1) syarikat sahaja. Sila bawa bersama Sijil Pendaftaran CIDB lengkap.
4. **SESI LAWATAN TAPAK:** Hanya Penama dalam CIDB untuk syarikat yang diwakili sahaja boleh menghadiri sesi Lawatan Tapak. Sekiranya penama tidak dapat hadir, wakil penama perlu mengemukakan surat wakil yang ditandatangani oleh penama. Seorang wakil hanya boleh mewakili satu (1) syarikat sahaja. Sila bawa bersama Sijil Pendaftaran CIDB lengkap.
5. Dokumen yang lengkap diisi hendaklah dimeterikan dan dituliskan di sebelah atas kiri sampul surat dengan jelas:

“TNBES-TS003/2019: KERJA-KERJA PEMBINAAN STESEN MINI HIDRO SG. TERSAT, KUALA BERANG, TERENGGANU (PAKEJ 2: KERJA-KERJA PEMBINAAN PENSTOCK)

dan hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI TENDER** di pejabat:

**TNB ENERGY SERVICES SDN. BHD.
LEVEL 3, BLOCK A, MENARA PKNS-PJ,
NO. 17 JALAN YONG SHOOK LIN,
46050 PETALING JAYA,
SELANGOR**

Pihak TNB Energy Services Sdn. Bhd. tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran. Keputusan penilaian tender adalah muktamad.